



**KENYATAAN MEDIA
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)
3 JANUARI 2020**

**INISIATIF JABATAN ALAM SEKITAR MELALUI
ANALISIS DATA RAYA UNTUK BANTERAS
ISU PENCEMARAN ALAM SEKITAR**

3 Januari 2020, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan bagi perkongsian data ke arah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan khususnya buangan bahan toksik dan berbahaya secara haram yang menjejaskan alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Bagi memantapkan penguatkuasaan sedia ada, Analisis Data Raya akan dibangunkan secara bersepadu dengan agensi lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), SWCorp, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kimia (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain yang berkaitan bagi membanteras kegiatan pelupusan haram buangan bahan toksik dan berbahaya termasuk pengimportannya.

Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Khas yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 3 Januari 2020.

Kejadian pelupusan haram buangan bahan toksik dan berbahaya adalah berpunca daripada perbuatan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak-pihak yang mengambil jalan mudah untuk mengelakkan bayaran pelupusan di premis yang dilesenkan oleh JAS. Perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini dilakukan di kawasan terpencil dan disyaki dilakukan oleh sindiket yang tertentu.

Pada tahun 2019, Kerajaan terpaksa menanggung kos sebanyak RM5.71 juta bagi kerja-kerja pembersihan akibat pelupusan haram buangan bahan toksik dan berbahaya untuk tujuh (7) kes. Berdasarkan rekod JAS, bagi tempoh 2003 – 2019 sebanyak 196 kes pelupusan haram telah dilaporkan kepada JAS.

Selaras dengan slogan “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”, JAS menggesa semua pihak bersama-sama membanteras kegiatan pelupusan haram buangan bahan toksik dan berbahaya. Sekiranya terdapat sebarang aktiviti yang mencurigakan, orang ramai diminta menghubungi JAS di talian 1800-88-2727. Pemberi maklumat akan dilindungi dan diberi ganjaran.

JAS memberi amaran keras kepada semua dan jika didapati bersalah melakukan pelupusan haram bahan toksik dan berbahaya, akan didenda tidak lebih RM500,000 dan akan dipenjarakan mandatori selama tempoh tidak melebihi 5 tahun selaras dengan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

NORLIN BINTI JAAFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi

Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

3 Januari 2020

www.doe.gov.my

Lampiran A



Puan Norlin Jaafar, Ketua Pengarah Alam Sekitar



Mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk KSU MESTECC membincangkan kerjasama dengan agensi berkaitan bagi membanteras kegiatan pelupusan haram buangan bahan toksik dan berbahaya.



Pelupusan haram buangan bahan toksik dan berbahaya.



Pegawai JAS sedang menjalankan persampelan buangan bahan toksik dan berbahaya untuk dihantar dan dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia.